

SULIT

SET 1



1249/1



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
SEJARAH TINGKATAN 5**

Kertas 1

1249/1(PP)

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Soalan	Jawapan	Bab	Muka Surat Buku Teks	Soalan	Jawapan	Bab	Muka Surat Buku Teks
1	D	T4B1	9	21	B	T5B1	4
2	D	T4B1	11	22	A	T5B1	8
3	A	T4B2	24	23	C	T5B2	24
4	B	T4B2	34	24	B	T5B2	31
5	C	T4B3	54	25	D	T5B3	45
6	A	T4B3	71	26	A	T5B3	54
7	D	T4B4	95	27	C	T5B4	66
8	C	T4B4	114	28	D	T5B4	80
9	C	T4B5	127	29	D	T5B5	91
10	A	T4B5	131	30	A	T5B5	102
11	A	T4B6	156	31	B	T5B6	119
12	B	T4B6	160	32	A	T5B6	127
13	B	T4B7	183	33	D	T5B7	147
14	A	T4B7	186	34	C	T5B7	153
15	B	T4B8	198	35	D	T5B8	167
16	A	T4B8	206	36	C	T5B8	178
17	D	T4B9	217	37	C	T5B9	197
18	C	T4B9	220	38	B	T5B9	213
19	C	T4B10	236	39	C	T5B10	238
20	D	T4B10	243	40	B	T5B10	244

A	B	C	D
10	9	11	10
40			

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT

SET 1



1249/2



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
SEJARAH TINGKATAN 5**

Kertas 2

1249/2(PP)

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

1(c)	Mengapakah penguatkuasaan undang-undang yang tegas penting bagi rakyat pada masa kini?	
	F1	Mewujudkan ketenteraman dalam masyarakat
	F2	Menghalang ahli masyarakat daripada melakukan perkara jahat/ tidak bermoral
	F3	Menjamin keselamatan rakyat daripada ancaman jenayah/ salah laku
	F4	Menegakkan keadilan dalam masyarakat
	F5	Meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem perundangan negara
	F6	Membolehkan rakyat hidup dengan aman
	F7	Menyokong pembangunan ekonomi
	F8	Meningkatkan imej negara di mata dunia
(Mana-mana jawapan munasabah)		
[mana-mana 4 x 1 m]		4 markah

Soalan	Perincian	Markah
2(a)	Nyatakan dua peringkat pilihan raya di Tanah Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan. F1 Pilihan raya majlis perbandaran F2 Pilihan raya negeri F3 Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan [mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 2 markah
2(b)	Terangkan perkembangan pilihan raya di 2(a) . Pilihan raya majlis perbandaran F1 Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town, Pulau Pinang H1a Memilih sembilan orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town H1b Hari pendaftaran pemilih diadakan selama enam minggu/ 17 Mei – 30 Jun 1951 H1c Seramai 14 514 orang pengundi mendaftar H1d Untuk membuang undi F2 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur H2a Untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur H2b Bagi kawasan Sentul/ Bangsar/ Imbi/ Petaling Jaya H2c UMNO (Kuala Lumpur) dan MCA (Selangor) mengadakan kerjasama/ bergabung H2d Dikenali sebagai Perikatan F3 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Johor Bahru/ Ipoh/ Alor Setar/ Melaka/ Seremban H3a Kerjasama UMNO-MCA mendapat kemenangan pada kerusi yang dipertandingkan Pilihan raya negeri F4 Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi H4a Menunjukkan penerimaan terhadap kerjasama antara kaum Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan F5 Diadakan pada tahun 1955 H5a Bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) H5b Sebanyak 52 orang H5c Dipersetujui oleh pihak British/ Parti Perikatan H5d Pengisytiharan dibuat oleh Sir Donald MacGillivray [mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 4 markah

2(c)	Maklumat berikut berkaitan pilihan raya di negara kita.		
	Undi 18 diwartakan, kuat kuasa 15 Disember 2021 SHAH ALAM – Pindaan umur kelayakan pengundi 18 tahun di negara ini dan pendaftaran pemilih secara automatik telah diwartakan sebagai P.U.(A) 433/2021 dan P.U.(A) 434/2021 secara rasmi pada Rabu. Sumber ubah suai: https://www.sinarharian.com.my/		
	Pada pandangan anda, adakah langkah pendaftaran pemilih secara automatik memberi kebaikan kepada proses pilihan raya negara?		
	F1	Meningkatkan jumlah pengundi berdaftar	1
	F2	Meningkatkan penyertaan rakyat dalam sistem demokrasi	1
	F3	Memudahkan urusan rakyat	1
	F4	Data diperoleh secara automatik daripada Jabatan Pendaftaran Negara	1
	F5	Menjamin hak demokrasi rakyat	1
	F6	Setiap warganegara yang layak dapat menggunakan hak mengundi tanpa halangan birokrasi	1
	F7	Mengelakkan keciciran pengundi muda	1
	F8	Menjadikan pilihan raya lebih adil dan telus	1
	F9	Keputusan pilihan raya lebih mencerminkan kehendak sebenar rakyat	
	F10	Mengurangkan kos/ masa pendaftaran manual	
	F11	Tidak perlu menjalankan kempen pendaftaran besar-besaran	
	F12	Sistem automatik menggunakan pangkalan data sedia ada	
	F13	Mengukuhkan sistem demokrasi negara	
	(Mana-mana jawapan munasabah)		
	[mana-mana 4 x 1 m]		4 markah

SULIT		6	1249/2
Soalan	Perincian	Markah	
3(a)	Nyatakan dua undang-undang negeri Melayu.		
	F1 Hukum Kanun Melaka	1	
	F2 Undang-Undang Laut Melaka	1	
	F3 Hukum Kanun Pahang	1	
	F4 Undang-Undang Kedah	1	
	F5 Undang-Undang Johor	1	
	F6 Undang-Undang 99 Perak	1	
	[mana-mana 2 x 1 m]	2 markah	
3(b)	Terangkan sejarah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.		
	F1 Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877	1	
	F2 Dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf	1	
	F3 Menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara	1	
	F4 Berperanan untuk menggubal undang-undang bagi negeri Perak	1	
	F5 Peranan yang sama ini dimainkan oleh semua Majlis Negeri di negeri Melayu yang lain	1	
	F6 Undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS) digubal oleh Majlis Undangan Negeri	1	
	F7 Undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digubal oleh Majlis Persekutuan	1	
	F8 Undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) digubal oleh Majlis Negeri	1	
	F9 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan titik penting pembentukan sebuah Persekutuan	1	
	F10 Terdiri daripada negeri-negeri Melayu/ Melaka/ Pulau Pinang	1	
	F11 Kandungan termasuklah pentadbiran/ kuasa raja Melayu/ perundangan/ kewarganegaraan	1	
	F12 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster yang diambil dari Britain	1	
	F13 Suruhanjaya perlembagaan ini dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/ Suruhanjaya Reid	1	
	F14 Perlembagaan ini berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.	1	
	F15 Perlembagaan ini juga menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini.	1	
	[mana-mana 4 x 1 m]	4 markah	

3(c)	"Kalau mahu selamatkan negara ini, biar semua anak kita menguasai pengetahuan asas tentang Perlembagaan dan Sejarah."		
	Sumber: Ucapan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Majlis pelancaran Rancangan Pendidikan Negara (RPN) 2026-2035, 20 Januari, 2026.		
	Ulaskan.		
	F1	Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda	1
	F2	Memahami asas pembentukan negara/ sistem pemerintahan	1
	F3	Melahirkan rakyat yang patuh kepada undang-undang	1
	F4	Mengelakkan salah faham antara kaum/ agama	1
	F5	Mengukuhkan perpaduan nasional	1
	F6	Membentuk identiti/ jati diri bangsa Malaysia	1
	F7	Mengelakkan pengaruh ideologi negatif / berita palsu	1
	F8	Menjamin kelangsungan kedaulatan dan keselamatan negara	1
	(Mana-mana jawapan berkaitan)		
[mana-mana 4 x 1 m]			4 markah

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan	Perincian	Markah
4(a)	Nyatakan dua bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.	
	F1 Kerjasama pembangunan sosioekonomi	1
	F2 Kerjasama pemuliharaan khazanah negara	1
	F3 Kerjasama penyediaan perumahan rakyat	1
	F4 Kerjasama menjamin keselamatan dan kedaulatan negara	1
	[mana-mana 2 x 1 m]	2 markah
4(b)	Kerajaan Persekutuan bekerjasama mewujudkan kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah dengan Kerajaan Negeri. Jelaskan.	
	RASCOM	1
	F1 Berikutan dengan ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak	1
	F2 Abdul Razak Hussein/ Perdana Menteri Malaysia kedua/ Pengerusi Majlis Keselamatan Negara mengisytiharkan RASCOM	1
	F3 Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri	1
	F4 Beliau bertanggungjawab menyelaraskan fungsi	1
	F5 Aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM	1
	F6 Jawatankuasa RASCOM/ dipengerusikan Ketua Pegawai Eksekutif/ Pegawai Tadbir Kanan Negeri Sarawak	1
	F7 Menggubal dasar berkaitan dengan aktiviti harian organisasi RASCOM	1
	F8 Jawatankuasa Perancang Gerakan/ dipengerusikan Panglima Pasukan Keselamatan RASCOM	1
	F9 Merancang gerakan di kawasan RASCOM	1
	F10 Jawatankuasa Perang Saraf/ dipengerusikan Ketua Pegawai Turus (Awam)	1
	F11 Merancang/ melaksanakan segala kegiatan gerak saraf	1
	F12 Merupakan strategi yang berjaya memulihkan/ mengekalkan keselamatan/ keamanan di bahagian tengah Sarawak	1
	F13 Pada tahun 1995, RASCOM dibubarkan	1
	F14 Semua operasi keselamatan di Sarawak diselaraskan di bawah MKN	1
	ESSCOM	1
	F15 Ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah	1
	F16 Meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah	1
	F17 Sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan	1
	F18 Bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Tirnur Sabah	1
	F19 Dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE)/ Zon Keselamatan Timur Sabah	1
	F20 Perdana Menteri Malaysia mengumumkan pembentukan kawasan keselamatan khas di Pantai Timur Sabah/ ESSCOM	1
	F21 Pengerusi Jawatankuasa Pemantau ESSCOM adalah Perdana Menteri Malaysia	1
	F22 Pengerusi Jawatankuasa ESSZONE adalah Ketua Menteri Sabah	1
	F23 Dibantu oleh Ketua Pegawai Eksekutif ESSCOM/ Komander ESSCOM	1

SULIT		9	1249/2
	F24	Menambah baik aspek keselamatan	1
	F25	Membuktikan komitmen kerajaan pada setiap peringkat	1
	F26	Usaha mengembalikan semula ketenteraman / kesejahteraan rakyat Sabah	1
		[mana-mana 4 x 1 m]	4 markah
4(c)	Sebagai rakyat yang cinta akan negara, jelaskan cara mengekalkan keselamatan negara.		
	F1	Rakyat perlu mematuhi segala undang-undang yang ditetapkan	1
	F2	Memastikan keamanan/ ketenteraman negara sentiasa terpelihara	1
	F3	Rakyat perlu menanam semangat patriotisme	1
	F4	Menghormati simbol negara/ menyambut hari kebangsaan/ menghargai jasa pejuang kemerdekaan	1
	F5	Rakyat perlu saling menghormati agama/ budaya/ adat resam	1
	F6	Mengelakkan konflik yang boleh menggugat keselamatan negara	1
	F7	Tidak menyebarkan maklumat palsu	1
	F8	Menimbulkan ketegangan/ ketakutan dalam masyarakat	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	
		[mana-mana 4 x 1 m]	4 markah



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan	Perincian	Markah
5(a)	Jelaskan ciri-ciri perjanjian dari aspek berikut.	
	(i) Pentadbiran	
	F1 Persekutuan dibentuk	1
	F2 Menggabungkan sembilan buah negeri Melayu	1
	F3 Selangor/ Perak/ Pahang/ Negeri Sembilan/ Johor/ Kedah/ Perlis/ Kelantan/ Terengganu	1
	F4 Dua buah Negeri-negeri Selat (NNS)	1
	F5 Pulau Pinang/ Melaka	1
	F6 Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan	1
	F7 Diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British	1
	F8 Mempunyai kuasa eksekutif	1
	F9 Bertanggungjawab dalam hal kewangan/ hal yang mempunyai kepentingan bersama	1
	F10 Menubuhkan Majlis Mesyuarat Persekutuan	1
	F11 Mengandungi ahli rasmi/ ahli tidak rasmi	1
	F12 Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
	F13 Menubuhkan Majlis Perundangan Persekutuan	1
	F14 Ahli terdiri daripada pelbagai kaum	1
	[mana-mana 3 x 1 m]	3 markah
	(ii) Kewarganegaraan	
	F1 Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang	1
	F2 Jus soli terbuka kepada rakyat Raja/ rakyat British	1
	F3 Pemohon yang lahir di luar negeri, ayahnya mestilah rakyat Raja/ rakyat British	1
	F4 Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum/ semasa/ selepas tarikh perjanjian	1
	F5 Rakyat Raja/ mereka yang telah serasi/ memahami adat resam/ bertutur bahasa setempat (naturalised) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan	1
	F6 Kewarganegaraan secara pendaftaran	1
	F7 Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu	1
	F8 Telah bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonan	1
	F9 Mempunyai tingkah laku yang baik	1
	F10 Tiada rekod jenayah	1
	F11 Menguasai bahasa Melayu/ bahasa Inggeris	1
	F12 Bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
	[mana-mana 3 x 1 m]	3 markah
5(b)	Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia?	
	F1 Mengembalikan kedudukan/ kuasa Raja-raja Melayu	1
	F2 Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan perjanjian	1
	F3 Dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu	1
	F4 Dianggotai oleh sembilan orang Raja Melayu	1
	F5 Pesuruhjaya Tinggi memastikan raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan	1
	F6 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu	1

F7	Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu	1
F8	Menjaga kepentingan sah kaum lain	1
F9	Membuka ruang kewarganegaraan	1
F10	Orang bukan Melayu menjadi warganegara	1
F11	Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal/ diberi kedudukan istimewa	1
F12	Mewujudkan kerjasama kaum	1
F13	Membuka jalan ke arah perpaduan	1
F14	Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum/ Communities Liaison Committee (CLC)	1
F15	Cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan	1
F16	Diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan	1
F17	Berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum	1
F18	Merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957	1
F19	Membawa ke arah kemerdekaan (Mana-mana jawapan berkaitan)	1
[mana-mana 6 x 1 m]		6 markah

5(c) Pantun berikut boleh dikaitkan dengan keharmonian kaum di negara kita.

Pipit murai terbang bertiga,
 Samudera luas tidak terkira;
 Cicit moyang tetap berbangga,
 Negara kita aman sejahtera.

Kalau meniup seruling bambu,
 Siapa yang ikut akan terbuai;
 Kalau hidup saling membantu,
 Mana yang kusut akan selesai.

Kata tua kata bermalu,
 Malu berbuat kerja menyalah;
 Hina bangsa kerana berseteru,
 Seteru membuang berpecah belah.

Sumber: Khazanah Pantun Melayu Riau,
 Dewan Bahasa dan Pustaka (2016).

Jelaskan mesej yang terkandung dalam rangkap pantun tersebut.

Contoh:

Mesej rangkap 1

~ Kita perlu mensyukuri/ mempertahankan keamanan/ kesejahteraan negara

~ Keamanan negara menjadi kebanggaan semua generasi sama ada dahulu kini atau akan datang

~ Semua generasi perlu menghargai keamanan negara

~ Berusahalah mengekalkan keharmonian agar terus dinikmati oleh generasi seterusnya

	Mesej rangkap 2 ~ Kita perlu saling membantu/ bekerjasama dalam kehidupan ~ Dengan adanya sikap tolong-menolong, segala masalah/ kesukaran dapat diselesaikan dengan lebih mudah ~ Amalkan sikap bekerjasama/ saling membantu agar kehidupan menjadi lebih harmoni Mesej rangkap 3 ~ Kita seharusnya mempunyai sifat malu untuk melakukan perkara yang salah ~ Mengelakkan permusuhan dalam kalangan masyarakat ~ Ia menegaskan bahawa perpecahan akan menjatuhkan maruah sesuatu bangsa ~ Amalkan akhlak yang baik/ hidup bersatu padu agar keharmonian/ maruah bangsa terus terpelihara (Mana-mana jawapan berkaitan)	
Aras 4	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	7 - 8
Aras 3	Pengetahuan dan pemahaman jelas Bukti/ contoh sesuai Membuat inferens Jawapan yang mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik	5 - 6
Aras 2	Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3 - 4
Aras 1	Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1 - 2

Soalan	Perincian	Markah
6(a)	Apakah Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menjalankan peranannya?	
	F1 Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu	1
	F2 Mengambil kira kedudukan/ martabat Ratu England/ Raja-raja Melayu	1
	F3 Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal/ bebas/ berkerajaan sendiri dalam lingkungan Komanwel	1
	F4 Berdasarkan Demokrasi Berparlimen	1
	F5 Dua Dewan Perundangan	1
	F6 Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat	1
	F7 Kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu	1
	F8 Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan	1
	F9 Jawatan bagi ketua negara/ Yang di-Pertuan Besar/ Yang di-Pertuan Agong	1
	F10 Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu	1
	F11 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu/ kepentingan sah kaum lain [mana-mana 4 x 1 m]	1 4 markah
6(b)	Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.	
	F1 Pengamalan Raja Berperlembagaan/ Sistem Demokrasi Berparlimen	1
	F2 Pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang dilantik dalam kalangan Raja-raja Melayu	1
	F3 Setiap lima tahun sekali	1
	F4 Tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah	1
	F5 Diikuti oleh Raja Pemaيسuri Agong	1
	F6 Yang di-Pertuan Agong boleh meletakkan jawatan dengan menulis surat kepada Majlis Raja-Raja	1
	F7 Baginda juga boleh dipecat oleh Majlis Raja-Raja	1
	F8 Kewarganegaraan	1
	F9 Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka	1
	F10 Diberikan melalui tiga cara	1
	F11 Penguatkuasaan undang-undang	1
	F12 Memohon didaftarkan sebagai rakyat	1
	F13 Memohon menukar kewarganegaraan/ naturalisasi	1
	F14 Mereka yang lahir di luar Persekutuan Tanah Melayu selepas hari merdeka tetapi bapanya lahir/ bekerja dengan Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri	1
	F15 Mereka yang lahir di luar Persekutuan Tanah Melayu tetapi bapanya merupakan warganegara	1
	F16 Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
	F17 Rakyat keturunan Melayu diberi keistimewaan kerana mengambil kira status sebagai rakyat asal	1
	F18 Hak masyarakat lain tetap dipelihara/ dilindungi	1
	F19 Keistimewaan tersebut termasuklah jawatan dalam kerajaan/ biasiswa/ elaun/ pelajaran/ latihan/ lesen perusahaan/ lesen perniagaan	1

Aras 4	7 - 8
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	
Aras 3	5 - 6
Pengetahuan dan pemahaman jelas Bukti/ contoh sesuai Membuat inferens Jawapan yang mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik	
Aras 2	3 - 4
Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	
Aras 1	1 - 2
Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan	Perincian	Markah
7(a)	Jelaskan pengasingan kuasa yang dilaksanakan dalam sistem pemerintahan.	
F1	Badan Perundangan	1
H1	Menggubal undang-undang	1
F2	Parlimen ialah badan perundangan tertinggi	1
H2	Terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong/ Dewan Rakyat/ Dewan Negara	1
F3	Lambang demokrasi	1
H3	Aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih	1
F4	Membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada	1
H4a	Menyemak dasar kerajaan	1
H4b	Meluluskan perbelanjaan kerajaan/ sistem cukai yang baharu	1
F5	Dewan Negara/ Senat membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat	1
F6	Dewan Undangan Negeri (DUN) ialah badan perundangan peringkat negeri	1
F7	Terdapat di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Labuan/ Putrajaya	1
F8	Terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri/ Speaker Dewan/ Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)	1
F9	ADUN dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri	1
F10	Badan Eksekutif	1
H10	Melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan	1
F11	Peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri	1
H11	Terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri	1
C11	Menteri Kewangan/ Menteri Pendidikan/ Menteri Kesihatan	1
F12	Menggubal dasar negara	1
H12	Melaksanakan pembangunan	1
F13	Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri	1
H13	Memimpin kerajaan/ menjalankan pentadbiran peringkat Kerajaan Persekutuan.	1
F14	Menteri mengetuai kementerian	1
H14	Melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri	1
F15	Tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen	1
H15a	Mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri	1
H15b	Jika tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, menteri hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri	1

	F16	Peringkat negeri kuasa terletak pada Sultan/ Raja/ Yang di-Pertua Negeri	1
	F17	Dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/ EXCO (Executive Council) bagi negeri di Semenanjung Malaysia	1
	H17	Dikenali sebagai Kabinet Negeri di Sarawak dan Sabah	1
	F18	Pentadbiran diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri	1
	F19	Badan kehakiman	1
	H19a	Mentafsirkan/ melaksanakan undang-undang	1
	H19b	Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan	1
	F20	Diketuai oleh Ketua Hakim Negara	1
	F21	Kuasa dilaksanakan oleh mahkamah	1
	F22	Hakim memastikan sistem kehakiman/ keadilan ditegakkan	1
	F23	Mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat	1
	H23	Menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan	1
	F24	Fungsi badan kehakiman bergantung pada status mahkamah	1
	H24	Mahkamah Atasan/ Mahkamah Bawahan/ Mahkamah Khas	1
	F25	Mahkamah pada peringkat negeri	1
	H25	Mahkamah Syariah/ Mahkamah Anak Negeri di Sarawak dan Sabah	1
		[mana-mana 6 x 1 m]	6 markah
7(b)	Sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara kita mempunyai keunikan tersendiri. Huraikan.		
	F1	Gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran	1
	F2	Unsur tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu	1
	F3	Unsur moden ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England	1
	F4	Mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik yang mempunyai kepelbagaian bangsa/ agama/ budaya	1
	F5	Mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan	1
	F6	Raja berkecuali dalam hal politik/ ekonomi/ dasar negara	1
	H6	Meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi	1
	C6	Pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi/ perselisihan antara kaum	1
	F7	Pengasingan kuasa/ badan perundangan/ eksekutif/ kehakiman	1
	H7a	Badan perundangan berperanan menggubal undang-undang	1
	H7b	Pelaksanaannya akan dilakukan oleh badan eksekutif	1
	H7c	Sekiranya timbul konflik/ kekeliruan/ penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman	1
	F8	Kuasa budi bicara raja	1
	F9	Kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar/ menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu	1

F10	Yang di-Pertuan Agong mempunyai budi bicara melantik ketua Kerajaan Persekutuan/ Perdana Menteri	1
F11	Raja/ Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri/ Menteri Besar/ Ketua Menteri	1
F12	Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen	1
F13	Raja/ Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara tidak memperkenankan pembubaran DUN	1
F14	Kerjasama politik	1
F15	Menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum	1
H15a	Berdasarkan prinsip tolak ansur/ perundingan/ pengorbanan	1
H15b	Memastikan suara setiap kaum diwakili	1
F16	Permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan	1
H16a	Membolehkan parti politik membentuk kerajaan	1
H16b	Berkongsi kuasa dalam pemerintahan di negara kita	1
F17	Gabungan parti berasaskan kaum dibentuk iaitu Parti Perikatan/ Barisan Nasional sejak pilihan raya pada tahun 1955	1
H17	Memenangi 13 kali pilihan raya umum	1
F18	Pada Pilihan Raya Umum ke-14 tahun 2018, Pakatan Harapan memenangi pilihan raya untuk membentuk Kerajaan Persekutuan	1
[mana-mana 6 x 1 m]		6 markah



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

7(c)

Teliti poster berikut.



Sumber: <https://www.penerangan.gov.my>

Beri ulasan anda.

Contoh:

- ~ Keadaan ketika ini menuntut seluruh rakyat meletakkan kepercayaan penuh kepada sistem demokrasi berparlimen
- ~ Rakyat harus yakin bahawa segala keputusan/ dasar negara dibuat melalui proses yang sah
- ~ Tanpa sokongan rakyat, sistem demokrasi boleh goyah
- ~ Kestabilan negara boleh terjejas
- ~ Sama-sama kita sanjung kerjasama utuh
- ~ Rakyat dan pemimpin perlu berganding bahu mengelakkan perpecahan
- ~ Kepelbagaian kaum/ budaya harus dirangkum dalam semangat kebersamaan
- ~ Kepentingan negara di tempat teratas
- ~ Kepentingan negara mesti diutamakan berbanding kepentingan peribadi/ parti politik/ kelompok tertentu
- ~ Rakyat dapat memastikan Malaysia terus maju
- ~ Dihormati di peringkat antarabangsa
(Mana-mana jawapan berkaitan)

SULIT	20	1249/2
	Aras 4	7 - 8
	Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	
	Aras 3	5 - 6
	Pengetahuan dan pemahaman jelas Bukti/ contoh sesuai Membuat inferens Jawapan yang mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik	
	Aras 2	3 - 4
	Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	
	Aras 1	1 - 2
	Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	

 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Soalan	Perincian	Markah
8(a)	Mengapakah berlakunya rusuhan tersebut?	
	F1 Ketidakseimbangan ekonomi/ sosial	1
	F2 Keadaan/ keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969	1
	F3 Kempen pilihan raya	1
	F4 Parti politik mengeksploitasi isu	1
	F5 Menyentuh sensitiviti sesuatu kaum	1
	F6 Menggunakan sentimen perkauman/ keagaamaan	1
	F7 PKM mengambil kesempatan mempengaruhi rakyat supaya bermusuhan	1
	F8 Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal	1
[mana-mana 4 x 1 m]		4 markah
8(b)	Bagaimanakah Rukun Negara memainkan peranan dalam memastikan peristiwa rusuhan kaum tidak berulang di Malaysia.	
	F1 Melahirkan masyarakat demokratik	1
	H1a Rakyat bertindak melalui parlimen yang dilantik melalui perlembagaan	1
	H1b Menjamin kebebasan hak asasi/ kegiatan berpolitik	1
	H1c Asalkan tidak melanggar undang-undang	1
	H1d Kepentingan negara hendaklah diutamakan lebih daripada kepentingan sesuatu kaum	1
	F2 Melahirkan bangsa/ negara bersatu	1
	H2a Setiap rakyat menganggap diri rakyat Malaysia	1
	H2b Tanpa mengira keturunan/ kepercayaan	1
	H2c Mempunyai semangat kesetiaan/ cinta akan negara	1
	F3 Melahirkan masyarakat yang adil	1
	H3a Semua rakyat berpeluang menikmati kekayaan negara	1
	H3b Pihak lemah/ berkurangan dibantu	1
	H3c Supaya mempunyai peluang sama untuk bersaing/ bebas daripada penindasan	1
	F4 Melahirkan masyarakat progresif	1
	H4a Mengikut kemajuan sains/ teknologi	1
	H4b Mengamalkan nilai-nilai ketuhanan	1
	H4c Bergerak maju sejajar perubahan/ kemajuan masa kini	1
	F5 Melahirkan masyarakat liberal	1
	H5a Bebas mengamalkan agama/ adat resam/ kebudayaan masing-masing	1
	H5b Sesuai dengan kepentingan perpaduan negara	1
	H5c Mencipta masyarakat yang menjadi sumber kekuatan kepada bangsa/ negara	1
[mana-mana 8 x 1 m]		8 markah

8(c) Teliti petikan kata-kata berikut.

“13 Mei merupakan satu pengalaman dan pengajaran yang tidak dapat kita semua lupakan buat selama-lamanya, kerana kejadian itu dapat menunjukkan kepada kita semua tentang bahaya-bahaya yang boleh timbul sekiranya kita terlampau lalai atau cuai.”
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

“Pergolakan dan pergaduhan yang telah dan berlaku di sebilangan negara lain disebabkan bukan sahaja kerana pertelingkahan antara kaum, bahkan juga kerana pertelingkahan antara rakyat daripada kaum yang sama.” Tun Dr. Mahathir Mohamad

“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna tanggungjawab untuk mengamalkan Rukun Negara itu bukan sahaja terletak pada para pelajar dan murid-murid sekolah. Anggota-anggota dewasa, ibu bapa, pemimpin kaum, guru-guru dan seterusnya orang ramai, mempunyai tanggungjawab yang sama untuk memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip rukun negara” Tun Abdul Razak

Rukun Negara dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara
Abdul Rahman Abdul Aziz

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.
Contoh:

- ~ **Peristiwa 13 Mei 1969/ Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**
- ~ Satu tragedi yang berlaku akibat ketegangan kaum selepas pilihan raya umum
- ~ **Bahaya-bahaya boleh timbul sekiranya kita terlampau lalai/ cuai**
- ~ Membawa kepada konflik
- ~ Menggugat keamanan negara
- ~ Rakyat perlu sentiasa berwaspada
- ~ Memelihara hubungan baik antara kaum
- ~ Supaya tragedi tersebut tidak berulang
- ~ **Pergaduhan bukan sahaja boleh berlaku antara kaum yang berbeza, malah boleh berlaku dalam kalangan kaum yang sama/ Tun Dr. Mahathir Mohamad**
- ~ Jika tiada persefahaman/ toleransi
- ~ Perpaduan bukan berlaku secara semula jadi/ perlu dipupuk
- ~ Melalui sikap saling menghormati/ bertolak ansur
- ~ Kerjasama antara kaum dalam bidang ekonomi/ pendidikan/ sosial
- ~ Dapat mengelakkan perpecahan
- ~ **Rukun Negara terletak pada pengamalannya, bukan sekadar menghafal prinsipnya/ Tun Abdul Razak**
- ~ Asas pembinaan negara bangsa yang bersatu padu
- ~ Lima prinsip Rukun Negara
- ~ Menjadi panduan
- ~ Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan bertanggungjawab
- ~ **Semua rakyat mengamalkannya dalam kehidupan seharian**
- ~ Menjaga kestabilan politik
- ~ Mengekalkan keamanan negara
- ~ (Mana-mana jawapan berkaitan)

Aras 4	7 - 8
Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	
Aras 3	5 - 6
Pengetahuan dan pemahaman jelas Bukti/ contoh sesuai Membuat inferens Jawapan yang mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik	
Aras 2	3 - 4
Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	
Aras 1	1 - 2
Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	



SERTAI TELEGRAM @exercise_students



Soalan	Perincian	Markah
9(a)	Mengapakah Malaysia menyertai kerjasama hubungan ekonomi berikut?	
	(i) ASEAN Free Trade Area - AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)	
	F1 Memudahkan/ meningkatkan perdagangan sesama negara ASEAN	1
	F2 Menjadikan ASEAN sebagai tempat produksi yang kompetitif	1
	F3 Meluaskan pasaran keluaran negara ASEAN	1
	F4 Mengurangkan kadar tarif barang/ perkhidmatan	1
	F5 Mengurangkan kadar cukai	1
	F6 Membangunkan ekonomi negara	1
	[mana-mana 3 x 1 m]	3 markah
	(ii) Asia -Pacific Economic Cooperation - APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasific)	
	F1 Berlaku dominasi ekonomi oleh negara maju	1
	F2 Terpaksa bergantung dengan pasaran domestik/ pasaran antarabangsa	1
	F3 Sering berhadapan dengan sikap negara maju yang mengenakan pelbagai sekatan/ halangan	1
	F4 Tarif/ cukai yang tinggi	1
	F5 Menjejaskan perdagangan negara	1
	F6 Bersuara agar diberi layanan yang sama kepada semua negara	1
	[mana-mana 3 x 1 m]	3 markah
9(b)	Jelaskan usaha Malaysia membangunkan ekonomi di serantau dan antarabangsa dalam aspek berikut.	
	(i) Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga	
	F1 Pembangunan wilayah baharu	1
	F2 Dimajukan bersama-sama negara anggota ASEAN	1
	Mendapatkan keuntungan bersama apabila negara jiran saling membantu	1
	F3 memajukan kawasan terlibat	
	Mengurangkan monopoli pasaran barangan dalam ASEAN daripada	1
	F4 negara maju	
	F5 Mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa	1
	F6 Mewujudkan pelbagai badan seperti Koperasi ASEAN/ Bank ASEAN	1
	F7 Menggunakan mata wang ASEAN	
	F8 Membendung campur tangan ekonomi negara maju	1
	[mana-mana 3 x 1 m]	3 markah
	(ii) Mengantarabangsa Sistem Kewangan Islam	
	F1 Membangunkan sistem kewangan ini sejak tahun 2001	1
	F2 Membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif/ komprehensif	1
	F3 menyumbang kepada keberkesanan sektor kewangan negara	
	F4 Menduduki kedudukan utama dalam pelbagai indeks global berkaitan dengan kewangan Islam	1
	F5 Menjadi pasaran sukuk terbesar di dunia	1
	F6 Menjadi negara utama pelaburan dana Islam	1
	F6 Menubuhkan International Centre for Education in Islamic Finance – INCEIF (Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam)	1
	F7 Menyokong perkembangan kewangan Islam	1
	[mana-mana 3 x 1 m]	3 markah

9(c)

Poster berikut berkaitan dengan kerjasama strategik Malaysia dan India dalam ekonomi.



Sumber: Bernama, 18 Februari 2026

Berikan komen anda.
Contoh:

- ~ **Memperkukuh kerjasama Malaysia/ India dalam semua bidang**
- ~ Meningkatkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara
- ~ Mempercepat pembangunan negara
- ~ seperti pendidikan/ teknologi/ pertahanan
- ~ **Menggalakkan penggunaan mata wang tempatan/ ringgit/ rupee dalam perdagangan dua hala**
- ~ Mengurangkan kebergantungan kepada mata wang asing
- ~ seperti dolar Amerika
- ~ Menstabilkan nilai mata wang negara
- ~ **Pembukaan konsulat baharu India di Kota Kinabalu**
- ~ Memudahkan urusan diplomatik/ perdagangan/ pelaburan antara kedua-dua negara
- ~ Merencanakan aktiviti ekonomi/ pelancongan di Sabah khususnya
- ~ **Pertukaran 11 Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia/ India**
- ~ Membolehkan pemindahan teknologi/ kepakaran antara kedua-dua negara
- ~ **Malaysia mendapat manfaat dalam konteks ASEAN melalui hubungan dengan India**
- ~ Mengukuhkan kedudukan sebagai rakan perdagangan penting di rantau Asia
- ~ Membantu meningkatkan pengaruh Malaysia dalam kerjasama serantau
- ~ **Wujud lebih banyak peluang kerjasama ekonomi antara kedua-dua**

	negara ~ Meningkatkan pelaburan asing/ pertumbuhan ekonomi negara ~ Membuka lebih banyak peluang pekerjaan ~ Meningkatkan taraf hidup rakyat (Mana-mana jawapan berkaitan)	
	Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti/ contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan yang sangat mendalam/ terperinci Komunikasi/ pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan	7 - 8
	Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman jelas Bukti/ contoh sesuai Membuat inferens Jawapan yang mendalam Komunikasi/ pengolahan menarik	5 - 6
	Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah secara ringkas	3 - 4
	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman terhad Jawapan secara umum	1 - 2

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT